

HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN
UNSUR LAIN DI DALAM AYAT

JAAFAR BIN MAT AKHIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2001

HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN
UNSUR LAIN DI DALAM AYAT

oleh

JAAFAR BIN MAT AKHIR

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi ijazah Sarjana

Disember 2001

kepada
ayah dan bonda
kupanjatkan doa
rahmatilah mereka

kepada
isteri, anak-anakku
dan seluruh keluargaku
berkorban untukku
berkatilah mereka

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	xiii
ABSTRAK	xv
SINGKATAN DAN LAMBANG	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 KATA SIFAT DAN PERNYATAAN MASALAH	1
1.2 TUJUAN KAJIAN	7
1.3 PERSOALAN KAJIAN	8
1.4 LANDASAN TEORI	8
1.5 BIDANG DAN BATASAN KAJIAN	10
1.6 PENGUMPULAN DAN PEMILIHAN DATA	11
1.7 KAEDAH KAJIAN	13
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	15
1.9 ORGANISASI KAJIAN	15
BAB 2 KAJIAN TERDAHULU TENTANG KATA SIFAT DAN KELOMPOK KATA SIFAT DALAM BAHASA MELAYU	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Pandangan Z'ABA	17

2.3	PANDANGAN SLAMETMULJANA	26
2.4	PANDANGAN LIAW YOCK FANG	31
2.5	PANDANGAN ASMAH HJ. OMAR	40
2.6	PANDANGAN ABDULLAH HASSAN	51
2.7	PANDANGAN NIK SAFIAH KARIM	53
2.8	PANDANGAN DARWIS HARAHAP	69
2.9	RINGKASAN	70

BAB 3 BINAAN KATA SIFAT

3.1	Pengenalan	71
3.2	Binaan Kata	71
3.2.1	Kata Sifat Dasar Jati	72
3.2.1.1	Kata Sifat Keadaan	72
3.2.1.2	Kata Sifat Perasaan	74
3.2.1.3	Kata Sifat Cara	75
3.2.1.4	Kata Sifat Ukuran	76
3.2.1.5	Kata Sifat Bentuk	78
3.2.1.6	Kata Sifat Waktu	79
3.2.1.7	Kata Sifat Warna	80
3.2.1.8	Kata Sifat Jarak	81
3.2.1.9	Kata Sifat Pancaindera	82

3.2.1.9.1	Indera Sentuh	83
3.2.1.9.2	Indera Dengar	84
3.2.1.9.3	Indera Pandang	85
3.2.1.9.4	Indera Bau	86
3.2.1.9.5	Indera Rasa	88
3.2.1.9.10	Kesimpulan	89
3.2.2	Kata Sifat Terbitan	89
3.2.2.1	Kata Sifat Berimbuhan	90
3.2.2.1.1	Kata Sifat Bersisipan	90
3.2.2.1.1.1	Sisipan +em+	90
3.2.2.1.1.2	Sisipan +el+	92
3.2.2.1.1.3	Sisipan +er+	93
3.2.2.1.1.4	Sisipan +in+	94
3.2.2.1.2	Awalan Kata Sifat	94
3.2.2.1.2.1	Awalan ter+	95
3.2.2.1.2.2	Awalan se+	97
3.2.2.1.2.3	Awalan peN+	98
3.2.2.1.2.4	Awalan beR+	100
3.2.2.1.2.5	Awalan meN+	101
3.2.2.1.2.6	Awalan ke+	105
3.2.2.1.3	Akhiran Kata Sifat	106

3.2.2.1.3.1	Akhiran +an	107
3.2.2.1.3.2	Akhiran +kan	107
3.2.2.1.4	Apitan Kata Sifat	109
3.2.2.1.4.1	Apitan beR+...+an	109
3.2.2.1.4.2	Apitan di+...+kan	111
3.2.2.1.4.3	Apitan di+...+i	112
3.2.2.1.4.4	Apitan ke+...+an	113
3.2.2.2	Kata Sifat Ulangan	115
3.2.2.2.1	Kata Sifat Ulangan Penuh	115
3.2.2.2.2	Kata Sifat Ulangan Separa	117
3.2.2.2.3	Kata Sifat Ulangan Berirama	118
3.2.2.2.3.1	Kata Sifat Dasar + Kata Sifat Dasar	119
3.2.2.2.3.2	Kata Sifat Dasar + Kata Sifat Dasar Semu	120
3.2.2.3	Kata Sifat Paduan	121
3.2.2.3.1	Kata Sifat Dasar + Kata Sifat Dasar	122
3.2.2.3.2	Kata Sifat Dasar + Kata Nama Dasar	123
3.3	KESIMPULAN	124

BAB 4 BINAAN KELOMPOK KATA SIFAT

4.1	PENGENALAN	126
4.2	BINAAN KELOMPOK KATA SIFAT	126

4.3	PEMBAHAGIAN KELOMPOK KATA	127
4.3.1	Kelompok Kata Endosentrik	127
4.3.2	Kelompok Kata Eksosentrik	129
4.4	ANALISIS BINAAN KELOMPOK KATA SIFAT	129
4.4.1	Kelompok Kata Sifat	130
4.4.1.1	Kata Bantu Masa + Kata Sifat	131
4.4.1.2	Kata Bantu Ragam + Kata Sifat	132
4.4.1.3	Kata Bantu Nafi + Kata Sifat	134
4.4.1.4	Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat	136
4.4.1.5	Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	137
4.4.1.6	Kata Bantu Masa + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	138
4.4.1.7	Kata Bantu Ragam + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	139
4.4.1.8	Kata Bantu Nafi + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	140
4.4.1.9	Kata Bantu Masa + Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat	141
4.4.1.10	Kata Bantu Ragam + Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat	142
4.4.1.11	Kata Bantu Nafi + Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat	143
4.4.1.12	Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	144
4.4.1.13	Kata Bantu Nafi + Kata Bantu Masa + Kata Sifat	145
4.4.1.14	Kata Bantu Nafi + Kata Bantu Ragam + Kata Sifat	146
4.4.1.15	Kata Bantu Masa + Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	147

4.4.1.16	Kata Bantu Ragam + Kata Penguat Hadapan + Kata Sifat + Kata Penguat Belakang	148
4.4.1.17	Kata Bantu Nafi + Kata Penguat Hadapan + Kata sifat + Kata Penguat Belakang	149
4.5	KESIMPULAN	150

BAB 5 HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN UNSUR LAIN DALAM AYAT

5.1	Pengenalan	152
5.2	HUBUNGAN SUBJEK DENGAN KATA SIFAT	152
5.3	HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN UNSUR SEBELUMNYA	153
5.3.1	Kata Nama Yang Mendahului Kata Sifat	154
5.4	HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN UNSUR SELEPASNYA	156
5.4.1	Kata Sifat + 0	157
5.4.2	Kata Sifat + Kata Nama	159
5.4.2.1	Kata Sifat + Kata Nama ke+ ... +an	159
5.4.2.2	Kata Sifat + Kata Nama Am	160
5.4.2.3	Rumusan Kata Sifat + Kata Nama	163
5.4.3	Kata Sifat + Kata Sendi Nama	163
5.4.3.1	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>pada</i>	163

5.4.3.2	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>kepada</i>	165
5.4.3.3	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>di</i>	167
5.4.3.4	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>ke</i>	169
5.4.3.5	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>dengan</i>	171
5.4.3.6	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>daripada</i>	173
5.4.3.7	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>dari</i>	175
5.4.3.8	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>tentang</i>	176
5.4.3.9	Kata Sifat + Kata sendi Nama <i>terhadap</i>	178
5.4.3.10	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>oleh</i>	180
5.4.3.11	Kata Sifat + Kata Sendi Nama <i>seperti</i>	181
5.4.3.12	Rumusan Kata Sifat + Kata Sendi Nama	183
5.4.4	Kata Sifat + Kata Kerja	183
5.4.4.1	Kata Sifat + Kata Kerja (tanpa Imbuhan)	183
5.4.4.2	Kata Sifat + Kata Kerja (berimbuhan)	184
5.4.4.2.1	Kata Sifat + Kata Kerja (di+ ...)	184
5.4.4.2.2	Kata Sifat + Kata Kerja (meN+ ...)	186
5.4.4.2.3	Kata sifat + Kata Kerja (beR- ...)	188
5.4.4.2.4	Kata Sifat + Kata Kerja (teR+...)	189
5.4.4.4.6	Rumusan Kata Sifat + Kata Kerja	190
5.4.5	Kata Sifat + Kata Hubung + Ayat	190
5.4.5.1	Ayat Berlapis Gabungan	191

5.4.5.1.1	Kata Sifat + <i>dan</i> + Ayat	192
5.4.5.1.2	Kata Sifat + <i>atau</i> + Ayat	193
5.4.5.1.3	Kata Sifat + <i>tetapi</i> + Ayat	194
5.4.5.2	Ayat Berlapis Pancangan	195
5.4.5.2.1	Ayat Relatif	195
5.4.5.2.2	Ayat Komplemen	195
5.4.5.2.3	Ayat Keterangan	197
5.4.5.2.3.1	Keterangan Sebab	197
5.4.5.2.3.2	Keterangan Akibat	199
5.4.5.2.3.3	Keterangan Waktu	200
5.4.5.2.3.4	Keterangan Syarat	201
5.4.5.2.3.5	Keterangan Bertentangan	203
5.4.5.2.3.6	Keterangan Harapan	204
5.4.5.2.3.7	Keterangan Cara	205
5.4.5.2.3.8	Keterangan Tujuan	206
5.4.5.2.3.9	Keterangan Perbandingan	208
5.5	KESIMPULAN	209

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	PENGENALAN	211
6.2	DAPATAN KAJIAN	212

6.3	SUMBANGAN KAJIAN	225
6.4	CADANGAN	225
	KEPUSTAKAAN	226

PENGHARGAAN

Saya menyatakan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah , kerana dengan limpah rahmat-Nya dan kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w, keluarganya, sahabatnya dan pengikutnya.

Saya mengucapkan terima kasih yang tiada batasnya kepada Profesor Mashudi B.H. Kader dan Allahyarham Profesor Madya Dr. Darwis Harahap Mohamad. Mereka telah membantu saya serta memberi tunjuk ajar kepada saya. Mereka turut membantu saya untuk mendapat buku-buku yang saya sukar perolehi. Mereka juga telah mengajar erti berdisplin, cara memberi pendapat yang bernas, cara menerima setiap kritikan dengan terbuka dan menyarankan supaya terus belajar. Segala bantuan mereka itu, Allah jua yang dapat membalasnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengetua Maktab Perguruan Keningau, Puan Aminah Hj. Musally yang telah memberi galakkan kepada saya. Saya turut berterima kasih kepada Ketua Jabatan Bahasa, Encik Mohd Isa Abd. Razak dan rakan sekerja saya. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan Pendidikan Tuan Hj. Kamaruzaman Ahmad yang merangsangkan supaya saya menyiapkan tesis ini.

Tidak lengkap, jika saya tidak menyebut rakan karib saya, Encik Mohd Azemi Mohd Yusoff yang setiap masa telah membantu dan menggalakkan saya menyiapkan tesis ini. Yang sering diajukan kepada saya ialah: "Jangan membuang masa! Siapkan tesis kita bersama".

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu dan bapa saya, iaitu ibu tersayang Che Pah binti Hassan dan ayahanda Mohd Akhir bin Abdullah. Begitu juga kepada abang Harun dan adik-adik: Zainab , Korsiah, Fadzilah, Rokiah, Shah Ridzuan, Mizerpuan, Abd. Razak dan Shinda saya ucapkan terima kasih. Saya ucapkan terima kasih juga kepada ibu mentua, Hajjah Rahmah Hassan serta abang Hassan, adik Noraishah dan Noraisah. Kesemuanya telah turut mendorong supaya saya terus berusaha untuk menyiapkan tesis ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada isteri saya yang tersayang, Norhizan A. Rahman dan anak-anak saya yang dikasihi: Muhammad Iqbal, Iqtiyani Soleha, Syuhrah Soleha, Ahmad , Muhammad Atif, Syukriah Soleha dan Rabiatul Adawiyah Soleha kerana sentiasa tetap bersabar menunggu berakhirnya tesis ini diselenggarakan.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada informan, iaitu guru-guru pelatih Pengajian Melayu/Sejarah ambilan 1994 dan DPM ambilan Julai 1996 di Maktab Perguruan Keningau, Sabah serta nama-nama yang tidak dapat disebut semuanya yang telah bekerjasama membantu sewaktu kajian ini dijalankan. Semoga setiap sumbangan mereka menjadi amal jariah di akhirat kelak, insya Allah.

JAAFAR BIN MAT AKHIR,
JABATAN PENGAJIAN MELAYU,
MAKTAB PERGURUAN SULTAN ABDUL HALIM,
KEDAH.
DISEMBER 2001

ABSTRAK

HUBUNGAN KATA SIFAT DENGAN UNSUR LAIN DI DALAM AYAT

Tesis ini mengkaji hubungan struktur kata sifat dengan unsur lain dalam ayat-ayat bahasa Melayu (BM). Datanya ialah ayat-ayat BM yang mengandungi kata sifat sahaja. Kajian ini dipilih kerana kurangnya kajian yang serius tentang kata sifat serta hubungannya dengan unsur lain dalam ayat. Kajian ini juga perlu dilakukan kerana kata sifat merupakan antara golongan kata utama dalam ayat BM.

Tujuan kajian ini untuk menganalisis binaan kata sifat serta hubungan kata-kata sifat tersebut dengan unsur-unsur lain dalam ayat-ayat BM.

Kajian ini menggunakan teori struktur Bloomfieldian. Melalui teori ini tesis ini meneliti kehadiran binaan kata sifat dengan kata-kata lain dalam konstruksi sintaksis dan morfologi. Yang penting ialah konsep ini meneropong hubungan kata sifat dengan unsur lain dalam ayat.

Kajian ini mendapati bahawa kata sifat boleh terbentuk kepada dua, iaitu kata sifat dasar dan kata sifat terbitan. Turut didapati dalam kajian ini ialah beberapa bentuk kelompok kata sifat serta terdapatnya hubungan sebelum, selepas dan sesudah kata sifat. Hubungan ini dianggap

hubungan ketat dan hubungan longgar.

Kajian ini mencadangkan peluasan kajian kata sifat dalam bilik darjah, perbandingan kata sifat dengan kata kerja dan kata pemeril, dan kekerapan penggunaan kata sifat dengan golongan kata lain dalam ayat BM. Akhirnya, kajian ini mengharapkan agar hasil kajian dapat diterapkan dalam pendidikan BM supaya ia dapat dimanfaatkan pengguna bahasa meningkatkan mutu penggunaan BM.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP OF ADJECTIVES WITH OTHER ELEMENTS IN SENTENCE

This thesis studies the structural relationships between adjectives and other elements in Malay sentences. The data are Malay sentences containing adjectives. This research is chosen because presently there is hardly any serious study on adjectives and their relationships with other elements in a sentence. It is also felt necessary to be carried out because adjectives are among the main word classes in the Malay language.

This thesis aims to analyse a construction of adjectives and the relationships between adjectives and other elements in Malay sentences.

This research is based on the Bloomfieldian structural theory of language. Through this theory, the thesis examines the occurrence of adjectives and other elements in syntactic and morphological constructions; that is analysing their relationships in sentences.

One finding of the research is that adjectives are formed in two ways: that is, from the base words and from the derived words. Another is that there are several adjectives where a relationship exists before, after, and before as well as after the adjective itself. This leads to what is known as "tight" and "loose" relationships.

This study suggests that there is a need to do further research such as to examine the use of adjectives in the classrooms, to compare adjectives with the verbs-to-be, and to study the frequency of use of adjectives with other word classes in Malay sentences. Finally, it is hoped that the findings from this research can be utilised in language education so as to enable the users of Malay to upgrade their mastery of the language.

SINGKATAN DAN LAMBANG

A1	Ayat 1
A2	Ayat 2
ABG	Ayat Berlapis Gabungan
ABP	Ayat Berlapis Pancangan
KBM	Kata Bantu Masa
KBR	Kata Bantu Ragam
KH	Kata Hubung
Kkj	Kata Kerja
KKN	Kelompok Kata Nama
KKSN	Kelompok Kata Sendi Nama
KKT	Kelompok Kata Keterangan
KN	Kata Nama
KND	Kata Nama Dasar
KPB	Kata Penguat Belakang
KPD	Kata Penguat Hadapan
Kpt	Kata Penentu
Kpg	Kata Penegas
KS	Kata Sifat
KSD	Kata Sifat Dasar
KSN	Kata Sendi Nama

KSP	Kata Sifat Paduan
KSu	Kata Sifat Semu
KSU	Kata Sifat Ulang
KSUB	Kata Sifat Ulang Berirama
KST	Kata Sifat Terbitan
P	Predikat
S	Subjek
s	sisipan
UL	Unsur Langsung

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 KATA SIFAT DAN PERNYATAAN MASALAH

Penelitian terhadap kehadiran kata sifat dalam ayat-ayat bahasa Melayu (BM) secara terperinci belumlah ditemui. Namun terdapat definisi kata sifat daripada beberapa sarjana BM: Z'aba, Arbak Othman, Harimurti Kridalaksana dan Nik Safiah Karim et al., dan Darwis Harahap. Jika adapun perbincangan selanjutnya tentang kata sifat, ia merupakan pernyataan am sahaja, seperti yang dilakukan oleh ahli bahasa seperti Z'aba (1954), Keraf (1976), Arbak Othman (1981), Harimurti Kridalaksana (1982), Liaw Yock Fang (1985), Abdullah Hassan (1986), Nik Safiah Karim et al (1991) dan Darwis Harahap (1994).

Walaupun ada beberapa banyak kajian yang dilakukan terhadap kata sifat secara am, perbincangan tersebut berbeza antara satu dengan yang lain. Perbezaan ketara yang kelihatan ialah definisi kata sifat dan penciriannya. Kajian ini diharapkan dapat mengurangkan perbezaannya. Z'aba (1954: 127) telah membahagikan kelompok kata sifat kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata. Sifat nama menjelaskan perkara bersangkutan dengan nama atau ganti nama, contohnya: *budak kecil*, *baju baharu*, *anjing itu garang* dan sebagainya. Beliau mendefinisikan kata sifat sebagai menceritakan nama. Misalnya dalam *Baju saya baharu*, kata sifat *baharu* menceritakan hal kata nama *baju*, iaitu pernyataan tentang sifat *baju*. Z'aba menamakan jenis kata sifat ini dengan kata sifat jati. Z'aba juga turut memberi contoh ayat yang berbunyi: *Baju saya yang baharu itu sudah koyak*. Frasa *yang baharu* menjelaskan perihal frasa nama *baju saya*. Jadi, ada unsur hubungan antara kata sifat itu dengan frasa

atau kata nama. Maksudnya ialah kata 'yang' ialah kata yang dianggap sebagai penghubung antara frasa atau kata nama dengan kata sifat. Dalam ayat *Rumah lama itu sudah runtuh*, kata *lama* juga merupakan kata sifat. Dalam kes ini, ia dianggap sifat nama oleh Z'aba (1954: 127). Nik Safiah Karim et al. pula menganggap sifat nama yang dinamai Z'aba sebagai kata keterangan (adverb). Dalam ayat *Burung itu terbang terlalu tinggi*, frasa *terlalu tinggi* merupakan kelompok kata sifat. Kata sifat *tinggi* didahului oleh kata *terlalu*. Kata *terlalu* merupakan kata penguat. Abdullah Hassan (1994: 91) juga turut bersetuju dengan istilah yang diberikan oleh Z'aba, sedangkan Nik Safiah Karim et al. menganggapnya sebagai kata adjektif. Seterusnya, bagi kesemuanya penulis di atas kata sifat juga berfungsi sebagai unsur penerang dalam predikat. Oleh itu ternyata terdapat perbezaan dalam penggunaan label dan juga fungsi bagi perkara yang sama.

Keraf (1976: 97) pula berpendapat bahawa kata sifat mengambil bentuk se + reduplikasi + nya serta dapat diluaskan dengan kata *paling* dan *sekali*, contohnya: se + cepat + cepat + nya, se + tinggi + tinggi - nya, *lebih sakit*, *lebih merah*, *paling sakit* dan *sakit sekali*. Keraf juga dengan tegasnya tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan kelompok kata sifat sebagai ciri utama yang menjelaskan keterangan nama. Keraf (1976: 96) beralasan bahawa kelompok kata 'dengan + kata sifat' ialah frasa kerja, misalnya dalam ayat *la berjalan dengan cepat*. Kita katakan adanya kata sifat *cepat* dalam kelompok frasa kerja, iaitu *berjalan dengan cepat*. Spat (1986: 66) pula berpendapat bahawa kata sifat bertindak sebagai atribut (penerang) kepada subjek dan berfungsi sebagai predikat. Fungsi ini dapat dilihat daripada contoh yang berikut:

(1)(i) Rumah itu *besar*.

(ii) Rumahnya yang *besar* itu cantik.

Dalam ayat 1(i), kata sifat *besar* berfungsi sebagai predikat sedangkan ayat 1(ii) ia berperan penerang. Daripada penghuraian ayat 1(i) dan ayat 1(ii), Spat menegaskan kata sifat itu masing-masing berperan sebagai predikat dan penerang setelah dilihat daripada segi kedudukannya dalam ayat. Spat (1989) selanjutnya mengatakan yang kata *sekali* boleh ditempatkan selepas kata sifat, misalnya *Rumah itu besar sekali*. Dengan kata lain, Spat mengakui bahawa betapa ada hubungan kata sifat dengan unsur lain dalam ayat. Hal ini disokong oleh Sutan Muhammad Zain (1954); iaitu ada unsur hubungan dengan inti kata sifat. Unsur hubungan kata sifat itu ialah kata-kata seperti *amat*, *sangat*, *terlalu*, *terlampau* dan *tersangat*. Ada unsur hubungan antara kata-kata itu dengan kata sifat seperti *amat cerdik*, *sangat kaya*, *terlalu pandai*, *terlampau jauh* dan *maha luas*.

Arbak Othman (1981: 148) pula mendefinisikan kata sifat sebagai inti dalam predikat ayat, contohnya: *Rumah itu besar*. Frasa *rumah itu* merupakan subjek dan predikatnya pula ialah kata sifat *besar*. Kata sifat dibahagikan kepada kata sifat tunggal dan kata sifat rangkap. Sebaliknya Sutan Muhammad Zain (1954: 74) membahagikan kata sifat kepada empat jenis: kata asal, kata majmuk, kata berulang dan kata berulangan.

Bagi Harimurti Kridalaksana (1982: 3) kata sifat ialah kata yang menerangkan kata benda. Beliau menambah dengan mengatakan yang kata sifat mempunyai ciri yang bergabung dengan kata lain. Contoh yang diberikan ialah *tidak baik*, *tidak jahat*, *lebih baik* dan *sangat cantik*. Samsuri (1982: 245) pula beranggapan bahawa kata sebelum dan selepas

inti kata sifat ialah pemandu keterangan dan pemanduan itu mewujudkan kelompok kata sifat (gatra kata sifat).

Liaw Yock Fang (1985: 11) lebih cenderung mengatakan kata sifat sebagai kata yang berdiri sendiri dan bukan sebahagian daripada kata kerja. Pandangan ini sama dengan pandangan beberapa ahli bahasa di Malaysia termasuk Nik Safiah Karim et al. (1991). Liaw Yock Fang tidak bersetuju dengan Asmah Hj. Omar (1986) dan Mashudi B.H. Kader (1981) yang menganggap kata sifat sebagai subgolongan daripada kata karyaan (verbal). Asmah (1986: 148) dan Mashudi B.H. Kader (1981: 51) berpendapat sedemikian kerana kata sifat dan kata kerja mempunyai fungsi yang sama dalam ayat; iaitu Asmah Hj. Omar dan Mashudi B.H. Kader mementingkan fungsi dalam menggolongkan kata sifat dan kata kerja kepada verbal (karyaan). Seterusnya Asmah Hj. Omar membahagikan kata sifat kepada sebelas jenis kata sifat. Sebaliknya Liaw Yock Fang membahagikan kata sifat kepada lima jenis. Pada pandangan Liaw Yock Fang, penjenisan kata sifat hendaknya dilihat daripada aspek penanda (marker), tetapi Asmah Hj. Omar dan Mashudi B.H. Kader melihatnya dari aspek fungsi paradigmatic.

Seterusnya, Abdullah Hassan (1986: 135) menghuraikan bahawa kata sifat terhasil dalam konstruksi antara kata nama dan kata sifat atau secara umumnya, kata sifatlah yang menjelaskan kata nama. Contohnya dalam *Budak gemuk* dan *budak gemuk sekali*, kata sifat *gemuk* menjelaskan kata nama *budak* dan frasa *gemuk sekali* menjelaskan kata nama *budak*. Sabaruddin Ahmad (1968: 82) pula menamakan kata sifat sebagai kata keadaan. Dia

memberikan contoh ayat-ayat yang mengandung kata sifat, misalnya:

- (2)(i) Gula itu *manis* benar.
 (ii) Pohon tualang lebih *tinggi* daripada pohon cemara.
 (iii) *Harumnya* menusuk hidung.

(Sabaruddin Ahmad, 1968: 82)

Seterusnya Sabaruddin menganggap kata sifat mempunyai tiga tingkat fungsi: penerang, pembandingan dan sebagai subjek. Dalam data 2(ii) kata *manis* berfungsi penerang pada subjek (*Gula itu*). Data 2(ii) kata *tinggi* memperlihatkan perbandingan antara dua kata nama (kata benda), iaitu *Pohon tualang* dan *Pohon cemara*. Dalam ayat 2(iii) pula, kata sifat berperanan sebagai subjek (perkataan *Harumnya*). Tidak cukup dengan contoh di atas, Sabaruddin Ahmad menghuraikan bahawa ada imbuhan yang dapat membentuk kata sifat, contohnya dalam penggunaan awalan ber+..., ter+..., se+..., dan apitan ke+...+an serta apitan ber+...+an dalam 3(i - v):

- (3)(i) Kassim selalu makan beras *bertumbuk*.
 (ii) Aku jatuh *terduduk*.
 (iii) Ia gementar *kedinginan*.
 (iv) Habis mangga itu *berjatuhan*.
 (v) Ia sangat *pemakan*.

(Sabarudin Ahmad, 1968: 84)

Jelaslah, apabila kita renungi kata-kata seperti *bertumbuk*, *terduduk*, *keinginan* dan *berjatuhan* masih terdapat kekaburan sama ada kata - kata tersebut dapat digolongkan ke dalam kata kerja ataupun kata sifat. Untuk mencari penyelesaian, satu rumus haruslah dicari bagi perjenihan isu ini.

Nik Safiah Karim et al., (1991: 175) mendefinisikan kata sifat sebagai perkataan yang menjadi unsur inti dalam struktur kelompok kata sifat. Contohnya (4) - (6):

- | | | |
|-----|-----------------|--------------------------|
| (4) | Adik saya / | <i>tinggi.</i> |
| | KKN (subjek) | KS (predikat) |
| (5) | Orang Muda itu/ | <i>baik sungguh.</i> |
| | KKN (subjek) | KKS (predikat) |
| (6) | Anaknya / | <i>masih kecil lagi.</i> |
| | KKN (subjek) | KKS (predikat) |

Darwis Harahap (1994: 25) secara umumnya menjelaskan kata sifat sebagai kata yang dapat dicirikan dengan kehadiran kata penguat depan dan kata penguat belakang sekaligus. Contohnya: *sangat tinggi sekali* dan *sangat merah sekali*.

Daripada tinjauan di atas, ternyata kata sifat bukan sahaja telah diberi label linguistik yang berbeza-beza, bahkan kajian yang sedia ada tidak sepakat tentang apakah unsur yang hadir sebelum dan sesudah kata sifat dalam situasi ayat-ayat BM. Umumnya, antara masalah yang dapat diperhatikan pada peringkat awal ini ialah (7)(a - d):

- (7) (a) Terdapat kepelbagaian pendefinisian tentang kata sifat;
- (b) Ahli bahasa juga tidak sekata dalam mencirikan kata sifat;

- (c) Terdapat perbezaan pandangan yang mengatakan kata sifat ialah kata karyaan atau kata sifat sebagai suatu jenis perkataan yang dapat berdiri tanpa bergantung sebahagian daripada kata kerja;
- (d) Timbul juga ketidakpastian sama ada penggunaan kata sifat yang di bawah ini menepati pembinaan ayat BM yang gramatis. Contoh:
- (i) Bunga itu adalah *merah*. (kata sifat *merah* didahului oleh kata pemerian *adalah*)
 - (ii) Gunung itu ialah *tertinggi* di Malaysia. (kata sifat *tertinggi* didahului oleh kata pemerian *ialah*)
 - (iii) Ali *jahat* ke sekolah. (kata sifat diikuti oleh kata sendi nama)
 - (iv) Dia menyanyi *merdunya*. (kata sifat berfungsi sebagai kata keterangan)
 - (v) Dia bukan *jahat*. (kata sifat didahului oleh kata nafi)
 - (vi) Kasim amat *sangat* pandai. (kata sifat diikuti oleh dua kata penguat hadapan)
 - (vii) Alias *muda* usia. (kata sifat sebagai kata keterangan subjek)
 - (viii) Dia bertutur dengan *jahatnya*. (kata sifat didahului oleh kata sendi nama)
 - (ix) *Sejahat* budak itu, *jahat* lagi Ali. (kata sifat dalam bentuk perbandingan)
 - (x) Ahmad *terpandai* sekali. (kata sifat terpandai diikuti oleh kata penguat).

Masalah-masalah yang dipaparkan di atas perlu penyelesaian. Dengan penyelesaian masalah ini, BM akan lebih dapat difahami aturannya, khususnya kedudukan sifat dalam ayat-ayat BM.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis binaan kata sifat serta hubungan kata-kata sifat tersebut dengan unsur-unsur lain dalam ayat-ayat BM.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian dalam 1.2 akan dibantu oleh persoalan-persoalan kajian dalam

(5)(a) - (c):

- (5) (a) Apakah bentuk binaan kata sifat dalam ayat-ayat BM seperti didakwa oleh ahli bahasa tradisional?
- (b) Apakah rupa binaan kelompok kata sifat?
- (c) Apakah keadaan hubungan kata sifat dengan unsur - unsur lain dalam kelompok kata sifat dan dalam ayat-ayat BM?

1.4 LANDASAN TEORI

Kajian ini menggunakan teori struktur Bloomfield (1933). Data BM akan dianalisis mengikut teori beliau dan dilandaskan kepada tiga peringkat, iaitu: (a) sintaksis, (b) morfologi dan (c) golongan kata.

Tentang sintaksis, Bloomfield (1933: 184) menjelaskan bahawa:

(8) sintaksis

The free forms (words and phrases) of a language appear in larger free forms (phrases), arranged by taxemes of modulation, phonetic modification, selection, and order. Any meaningful, recurrent set of such taxemes is a syntactic construction.

Terjemahan saya:

(Bentuk bebas (perkataan dan frasa) sesuatu bahasa muncul dalam bentuk yang lebih besar (frasa), disusun menurut taksem modulasi, modifikasi fonetik, pemilihan dan urutan. Sebarang set taksem sedemikian yang bermakna dan berulang-ulang dinamai konstruksi sintaksis).

Tentang morfologi, Bloomfield (1933: 207) menjelaskan:

- (9) Accordingly, we may say that morphology includes the constructions of words and parts of words, while syntax includes the construction of phrases.

Terjemahan saya:

(Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa morfologi meliputi konstruksi kata-kata dan bahagian kata, manakala sintaksis pula meliputi konstruksi frasa).

Tentang golongan kata, Bloomfield (1933: 209 - 218) menggolongkannya berdasarkan konstituen terdekat. Beliau menjelaskan:

- (10) One must observe, above all, the principle of immediate constituents (&10.2). This principle leads us, at the outset, to distinguish certain classes of words, according to *the immediate constituents*:
- A. *Secondary words*, containing more than one form:
1. *Compound words*, containing more than one free form: *door-knob*, *wild-animal-tamer*. The included free forms are the *members* of the compound word: in our examples, the members are the words *door*, *knob*, *tamer* and *phrase wild animal*.
 2. *Derived secondary words*, containing one form: *boyish*, *old-maidish*. The included free form is called the *underlying form*; in our examples the underlying forms are the word *boy* and the phrase *old maid*.
- B. *Primary words*, not containing a free form:
1. *Derived primary words*, containing more than one bound form: *re-ceive*, *de-ceive*, *con-ceive*, *re-tain*, *de-tain*, *con-tain*.
 2. *Morpheme-words*, consisting of a single (free) morpheme: *man*, *boy*, *cut run*, *red*, *big*.
- C. The bound forms which in secondary derivation are added to the underlying form, are called *affixes*. Affixes which precede the underlying form are *prefixes*, as *be-* in *be-head*; those which follow the underlying form are called *suffixes*, as [-*ez*] in *glasses* or *-ish* in *boyish*.

Terjemahan saya:

(Kita patut mengamati, yang terpenting sekali, prinsip konstituen terdekat (& 10.2). Pada awal-awal lagi prinsip ini akan membuat kita membezakan golongan kata tertentu berdasarkan *konstituen terdekat*:

A. *Kata sekunder*, mengandung lebih daripada satu bentuk bebas:

1. *Kata majmuk* yang mengandung lebih daripada satu bentuk bebas: *door-knob*, *wild-animal-tamer*. Bentuk bebas yang terangkum ialah *anggota* kata majmuk itu: dalam contoh bahasa Inggeris, anggota ialah kata *door*, *knob*, *tamer*, dan frasanya *wild animal*.
2. *Kata sekunder terbitan* yang mengandung satu bentuk bebas: *boyish old maidish* - Bentuk bebas yang terangkum digelar *bentuk dasar*: dalam contoh bahasa Inggeris bentuk dasarnya ialah kata *boy* dan frasa *old maid*.

B. *Kata primer* yang tidak mengandung bentuk bebas:

1. *Kata primer terbitan* yang mengandung lebih daripada satu bentuk terikat: *re-ceive*, *de-ceive*, *conceive*, *re-tain*, *de-tain*, *con-tain*.
 2. *Kata-morfem* yang terdiri daripada satu morfem (bebas) yang tunggal: *man*, *boy*, *cut*, *run*, *red*, *big*.
- C. Bentuk terikat yang ditambahkan kepada bentuk dasar dalam terbitan sekunder disebut *imbuhan*. Imbuhan yang mendahului bentuk dasar adalah awalan, seperti *be-*dalam *be-head*; imbuhan yang mengikuti bentuk dasar disebut akhiran, seperti *[-iz]* dalam *glasses* atau *-ish* dalam *boyish*.

Oleh kerana cara analisis Bloomfieldian mengjangkau masa beberapa dekad (1933 - 1957), iaitu daripada Bloomfield (1933) hingga tercetaknya Chomsky (1957), maka analisis dalam tesis ini ada juga menggunakan idea-idea ahli bahasa Bloomfieldian yang lain seperti Hockett (1958) pada tempat-tempat tertentu.

1.5 BIDANG DAN BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, dipaparkan satu analisis struktur ayat yang terbina dalam konstruksi morfologi dan sintaksis. Analisis ini meneropong subjek dan predikat di dalam ayat - ayat yang dihuraikan secara lebih kecil, iaitu analisis yang membabitkan kata sifat dalam ayat, sama ada ayat itu berupa ayat tunggal ataupun ayat majmuk.

1.6 PENGUMPULAN DAN PEMILIHAN DATA

Data bagi kajian ini didasarkan kepada data yang dikutip daripada sumber bercetak, iaitu novel-novel, bukan akademik, akhbar, kamus dan jika data tersebut bahasa lisan ia ditulis semula dalam bentuk bertulis. Data yang dikumpulkan telah dipilih daripada ayat yang hanya mengandungi kata sifat atau kelompok kata sifat sahaja. Ayat yang tidak berkaitan telah diabaikan. Bahan kajian itu dibahagikan kepada empat sumber, iaitu novel, buku akademik, kamus dan soal-selidik. Setiap satunya dibincang dalam 1.6.1 hingga 1.6.5.

1.6.1 Novel

Novel yang telah dipilih bagi kajian ini adalah daripada novel yang memenangi hadiah sasterawan negara, seperti karya Abdullah Hussin: *Imam* (I, 1995); Arenawati: *Bunga Dari Perkuburan* (BDP, 1988), *Pantai Harapan* (PH, 1990) dan *Ombak Samudera* (OS, 1992); A.Samad Said: *Langit Petang* (LP, 1980), *Sungai Mengalir Lesu* (SML, 1984), *Di Simpang Jalan* (DSJ, 1985), *Hujan Pagi* (HP, 1988), *Yang Berat Sama Dipikul* (YBSD, 1989), *Di Hadapan Pulau* (DHP, 1991), *Daerah Zeni* (DZ, 1991); dan Shahnon Ahmad: *Srengenge* (S, 1973), *Rentung* (R, 1983), *Al-Syiqaq I* (ALI, 1985), *Tok Guru* (TG, 1988), *Tunggul - Tunggul Gerigis* (TTG, 1989), *Detik-Detik Diri Di Daerah Daif* (DDDD, 1991) dan *Sutan Baginda* (SB, 1991). Novel karya Sasterawan Negara di atas dipilih kerana ia merangkumi aspek penulisan yang diterima oleh masyarakat di Malaysia. Data juga ditambah daripada novel Azizi Hj. Abdullah: *Pertiwi* (P, 1985), *Juak* (J, 1989), *Anak Kampung Kuala Raga* (AKKR, 1991), *Sinappal* (SP, 1993),; Khadijah Hashim: *Melawan Arus* (MA, 1993); Noorjaya: *Jejak Bertapak* (JB, 1992); dan Othman Putih: *Debu Hiroshima* (DB, 1987). Umumnya, data daripada novel dilengkapi oleh data yang terdiri daripada ayat-ayat rekaan pengkaji. Hal ini dianggap perlu

kerana ada kalanya kata atau kelompok kata sifat yang sudah semua digunakan tetapi tidak terdapat data bertulis.

1.6.2 Buku Akademik

Kajian ini juga menggunakan data daripada buku-buku akademik bagi subjek geografi, sains, matematik, ekonomi, sejarah dan agama. Buku-buku akademik itu ialah Kimia Amali Sijil Persekolahan (KASP, 1972), Ilmu Alam Fizikal (IAF, 1983), Panduan Makmal Sains (PMS, 1985), Ekonomi Pembangunan (EP, 1984), Harun Aminurrashid Pembangkit Semangat Kebangsaan (HAPSK, 1989), dan Mati Suatu Peringatan (MSP, 1994).

1.6.3 Keratan Akhbar

Bahan akhbar dipetik daripada Utusan Melayu (UM) dan Berita Harian (BH) kerana ini merupakan akhbar yang mewakili BM harian sama ada daripada aspek kosa kata, struktur ayat, mahupun gaya bahasa.

1.6.4 Kamus

Kajian ini jua mengutip data daripada *Kamus Besar Indonesia* dan ayat yang penulis bina sendiri. *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI) dikutip untuk menjadi perbandingan data BM apabila perlu.

1.6.5 Soal Selidik

Data juga turut diambil daripada guru pelatih diplomaambilan Julai 1996 di Maktab Perguruan Keningau, Keningau, Sabah. Data ini berupa ayat-ayat yang dihasilkan pelajar. Data ini dibina bersesuaian dengan kehendak dan keperluan tesis ini.

1.7 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan kerana kaedah ini dianggap sesuai dan berkesan dijalankan. Kaedah ini juga dipilih kerana ia dapat mengambil manfaat bahan-bahan terkumpul terdahulu daripada hasil penyelidikan, pemikiran dan penemuan.

Teori Bloomfieldian dijadikan asas analisis kajian ini. Sewaktu berbuat demikian pengkaji meneliti data BM dan meninjau analisis terdahulu oleh Z'aba (1954), Keraf (1976), Abdullah Hassan (1984), Asmah Hj. Omar (1986), Nik Safiah Karim et al. (1996) dan Darwis Harahap (1996), tentang konstruksi yang membabitkan " Kata Sifat dengan Unsur lain di dalam Ayat ".

Pengkaji meneliti binaan data daripada ayat yang mengandungi kata sifat. Data ini diambil secara langsung dan tidak langsung. Data yang diambil secara langsung ialah rujukan daripada bahan (lihat 1.6.1, 1.6.2 dan 1.6.3) tanpa mengubah apa-apa yang terdapat dalam ayat-ayat itu.

Seterusnya, pengkaji melaporkan pemerhatiannya mengikut konstruksi yang direstui oleh teori struktur Bloomfieldian.

Contoh data yang diambil secara tidak langsung ialah rujukan yang diambil daripada buku-buku rujukan dengan mengubahsuai ayat-ayat itu dengan gaya penulisan pengkaji. Namun, maksud ayat asal tidak diubah. Contoh data yang diambil secara tidak langsung seperti yang berikut: Berry (1995: 7) menghuraikan bahasa terdiri subjek, unsur predikator, unsur pelengkap dan unsur pelengkap.

Kajian ini juga mengambil data melalui ayat panjang atau ayat pendek. Kedua-dua ayat ini dipendekkan dan diambil yang perlu sahaja dengan kehendak perbincangan kajian, seperti ayat (a) berasal daripada ayat (b):

(284)(a) Saya *ketagih*.

(b) Betul-betul enak, saya *ketagih*. (BDP: 96)

Pengkaji juga mengambil perkataan daripada kamus (lihat 1.6.4). Ambilan perkataan itu dijadikan ayat bagi tujuan kajian, misalnya pengambilan perkataan *sedap*:

(295) Makanan itu sungguh *sedap*. (KBBI: 792)

Kajian ini juga mengambil data daripada guru pelatih Pengajian Melayu / Sejarah ambilan 1997 (lihat 1.6.5). Data ayat ini diolah dan dihasilkan oleh guru pelatih berdasarkan beberapa perkataan ataupun frasa yang diberikan. Data yang diolah oleh guru pelatih diambil setelah data tidak diperolehi daripada bahan lain, seperti novel, makalah dan surat khabar. Contoh data ayat yang dibina daripada frasa *tidak sukakan* ialah *Ali tidak sukakan guru pelatih itu*.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kata sifat dan hubungannya dengan unsur lain dalam ayat penting dikaji supaya:

- (11) (a) pengguna bahasa dapat memahami dan mempelajari struktur kata sifat dalam ayat-ayat BM;
- (b) pengguna bahasa dapat menerapkan pengetahuan tentang BM;
- (c) pengguna bahasa dapat mengenal pasti unsur sebelum dan selepas kata sifat yang dapat hadir dalam ayat-ayat BM.

Kajian ini juga penting kerana ia diharapkan akan dapat memberi penyelesaian beberapa perkara tentang konstruksi frasa, klausa dan ayat yang mengandungi kata sifat dalam BM.

1.9 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 6 bab. Bab 1 mengandungi kata sifat dan pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, landasan teori, bidang dan batasan kajian, pengumpulan dan pemilihan data, kaedah kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian.

Bab 2 membincangkan kajian terdahulu tentang kata sifat dan kelompok kata sifat dalam BM. Bab 3 pula memaparkan binaan kata sifat yang ada kaitan dengan inti kata sifat. Kata sifat ini membabitkan kata sifat terbitan, iaitu awalan, akhiran dan apitan serta sisipan.

Bab 4 ialah binaan kelompok kata sifat yang terdapat dalam ayat-ayat BM. Bab ini melihat binaan yang kerap berlaku dalam kata sifat seperti kehadiran kata bantu (kata bantu

nafi, kata bantu aspek dan kata bantu ragam), kata penguat hadapan dan kata penguat belakang.

Bab 5 melihat hubungan unsur-unsur lain sebelum dan selepas kata sifat dalam ayat tunggal. Hubungan ini merupakan hubungan yang menjelaskan peranan kata sifat dalam ayat-ayat yang pelbagai.

Bab 6 ialah penutup. Ia mencatatkan dapatan kajian dan cadangan kajian seterusnya.

BAB 2

KAJIAN TERDAHULU TENTANG KATA SIFAT DAN KELOMPOK KATA SIFAT DI DALAM BAHASA MELAYU

2.1 PENGENALAN

Bab 2 ini meneliti kedudukan kata sifat dan kelompok kata sifat dalam ayat-ayat BM mengikut pandangan ahli bahasa tradisional seperti: Z'aba (1954), Slametmuljana (1956), Liaw Yock Fang (1985), Asmah Hj. Omar (1986), Abdullah Hassan (1986), Nik Safiah Karim et al. (1991) dan Darwis Harahap (1994). Fenomena kelompok kata sifat ialah *budak kecil, baju baharu, rumah tinggi dan pokok rendah*. Tujuannya adalah untuk menunjukkan pendapat yang berbeza-beza tentang fenomena bahasa yang sama dan juga menonjolkan pendirian yang keliru. Ia juga diharapkan dapat memperlihatkan bentuk binaan kata sifat dalam ayat-ayat BM seperti disebut dalam persoalan kajian (5a) dalam 1.3.

2.2 PANDANGAN Z'ABA

Z'aba menghuraikan tentang kata sifat dan kelompok kata sifat dengan istilah yang berdasarkan unsur makna (Abdullah Hassan, 1986: 30). Dalam bukunya, *Pelita Bahasa* (1954), Z'aba membahagikan kata sifat kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata (adverb). Sifat nama menerangkan hal kata lain. Contohnya sifat nama ialah kata *kecil, baharu, pandai, garang, jauh* dalam kelompok kata yang berikut: *budak kecil, baju baharu, guru yang pandai,*

anjing itu garang, rumahnya jauh dan sebagainya. Sebaliknya dalam Z'aba (1954: 137), disebut bahawa sifat kata hanya boleh digunakan sebagai penerang tidak sebagai sifat nama. Contoh sifat kata ialah *kata lambat, tinggi, segera* dalam kelompok kata seperti yang berikut: *datang lambat, terbang tinggi, baca lagi* dan *pergi segera*. Contoh-contoh yang diberikan agak mengelirukan. Hal ini akan dibincangkan dalam bahagian sifat kata nanti. Contoh-contoh ayat yang diberikan oleh Z'aba adalah seperti yang berikut:

(A) Sifat Nama	(B) Sifat Kata
(12)(a) Rumah <i>lama</i> itu sudah runtuh.	(12')(a) Saya <i>lama</i> diam di sana.
(b) Bukit itu terlalu <i>tinggi</i> .	(b) Burung itu terbang terlalu <i>tinggi</i> .
(c) Wang saya <i>sedikit</i> sahaja.	(c) Perlahan <i>sedikit</i> bercakap.

(Z'aba, 1954: 127)

Dalam contoh-contoh di atas, Z'aba menganggap kata *lama* (12a), kata *tinggi* (12b) dan kata *sedikit* (12c) dianggap sebagai sifat nama kerana ia menceritakan sifat benda (kata nama), sedangkan kata *lama* (12'a), kata *tinggi* (12'b) dan kata *sedikit* (12'c) sebagai sifat kata (adverb) kerana ia menceritakan tentang kata kerja. Z'aba menghuraikan kata sifat dengan kecenderungannya daripada segi makna dan bukan dilihat daripada segi struktur. Cara klasifikasi ini dianggap bersifat tradisional. Sehubungan itu, Z'aba (1954: 128) juga menjelaskan yang kata sifat boleh bertukar sifatnya kepada nama khas jika ditambah dengan 'Si' dan 'Cik', misalnya dalam *Si Cantik, Si Bodoh, Si Pekak, Cik Hitam* dan sebagainya.

Z'aba juga mengatakan ada kata seperti *besar, hampir, dekat, tetap, kekal* yang akan bertukar golongannya, iaitu bertukar daripada sifat nama kepada perbuatan (kata kerja) apabila ia hadir dalam ayat dengan penambahan unsur tertentu, contohnya:

- (13) Maka budak itu pun *besarlah*. (menjadi besar)
- (14) Iapun *hampirlah* kepada saya. (datang hampir)
- (15) Maka *tetaplah*, ia di sana. (menjadi tetap)

(Z'aba, 1954: 129)

Dalam (13 - 15) kata *besarlah, hampirlah* dan *tetaplah* dianggap sebagai kata kerja. Jadi, kelihatan morfem terikat 'lah' menukarkan kelas kata-kata tadi kepada kata kerja menurut Z'aba. Namun morfem terikat 'lah' merupakan kata partikel (lihat Anton M. Moeliono et al., 1989: 486 dan Nik Safiah Karim et al., 1993: 248). Kata partikel juga disebut oleh mereka sebagai morfem penegas dalam ayat. Oleh itu bersalahan dengan Z'aba (1954), *besarlah, hampirlah* dan *tetaplah* merupakan kata sifat. Kehadiran 'lah' hanya berfungsi sebagai penegas dalam ayat .

Seterusnya, Z'aba (1954: 130) juga mengatakan bahawa kata nama boleh diikuti oleh sifat jati (kata sifat), seperti *hitam, putih, tinggi, rendah, lemah, kuat* dan *gelap*. Contohnya kelompok kata seperti *budak hitam, seluar putih, rumah tinggi, pokok rendah, malam gelap*. Begitu juga kata *baju, baharu, guru dan pandai*. Apabila dua kata dicantumkan atau

digabungkan, ia membentuk contoh yang berikut: *baju baharu* dan *guru yang baharu*. Kata *baharu* menerangkan sifat *baju* dan sifat *guru*.

Z'aba membicarakan pula tentang kelompok kata nama bukan sifat kata dan terkadang memasukkannya ke dalam sifat nama tanpa gabungan yang sepatutnya, iaitu kata nama dan kata sifat. Kata-kata itu, umpamanya kata bilangan: *satu, dua, banyak, seratus, seribu* dan sebagainya dan kata penentu: *ini, itu, begini, begitu, demikian* dan sebagainya. Antara gabungan kata sifat yang ditunjukkan oleh Z'aba (1954: 130 - 132) yang menampakkan kekeliruan adalah seperti: *Ramai orang di situ, Berilah ia sedikit roti* dan *Saya bertiga sahaja datang*. Ketiga-tiga ayat yang diberikan oleh Z'aba itu tidak menunjukkan bahawa terdapatnya kata sifat. Hal ini menampakkan kekeliruan yang nyata.

Z'aba seterusnya menggolongkan kata sifat kepada enam jenis, iaitu kata sifat cara atau gaya, sifat kata masa, sifat kata tempat, sifat kata sebab atau tujuan, sifat kata darjah atau kadar, dan sifat kata penentu. Setiap satu akan dibincang sekarang dalam 2.2.1 hingga 2.2.6:

2.2.1 Kata Sifat Cara atau Gaya

Kata sifat ini menerangkan gaya atau cara sesuatu perbuatan itu dilakukan, misalnya dalam ayat-ayat 16 - 19:

- (16) Saya berjalan *lambat*.
- (17) Ia suka hanyut *demikian*.

(18) Tulislah *elok-elok*!

(19) Bacalah *perlahan-lahan*!

(Z'aba, 1954: 135)

Kata *lambat*, *elok-elok* dan *perlahan* ialah kata sifat. Kata *kemudian* ialah kata adverba bukan kata sifat (lihat Anton M. Moeliono et al., 1989: 416).

2.2.2 Sifat Kata Masa

Sifat kata masa menerangkan masa, ketentuan kejadian itu berlaku dan jarak masa berlaku. Ia dapat dipecahkan kepada tiga , iaitu dalam (i) - (iii):

(i) Sifat Kata Menentukan Bila

Sifat kata ini membabitkan masa, contohnya:

(20) Saya *baharu* tiba.

(21) Ia datang *kemudian*.

(22) Rumah itu *sudah* siap.

(23) Hal ini *masih* dirundingkan.

Z'aba (1954: 35) kelihatan telah keliru dengan penerangannya bahawa sifat kata menerangkan tentang masa apabila beliau memberi contoh - contoh ayat di atas,

(20 - 23). Dalam ayat (20), kata *tiba* merupakan kata kerja dan kata sifat *baharu* berfungsi sebagai keterangan kepada kata kerja. Sebenarnya, kata *sudah* dan *masih* digolongkan sebagai kata bantu dan kata *kemudian* pula merupakan adverba. Jelas, ketiga-tiga kata *sudah*, *masih* dan *kemudian* bukan kata sifat. Kata *baharu* sahaja dianggap kata sifat dan bukanlah menerangkan kata sifat.

(ii) Sifat Kata Menentukan Lama

Sifat kata ini didasarkan kepada jarak masa, misalnya:

(24) Saya berhenti *sebentar*.

(25) Ia *sentiasa* menangis.

(26) Kekal *selama-lamanya*.

(Z'aba, 1954: 135)

Z'aba juga turut menganggap kata *sebentar* dan *selama-lamanya* merupakan kata sifat. Kata *sentiasa* bukan kata sifat tetapi kata adverba (lihat Anton M. Moeliono et al., 1989: 818). Kata sifat *sebentar* dan *selama-lama* berfungsi sebagai kata keterangan kepada kata kerja. Kata *selama-lamanya* berasal daripada kata akar *lama*.

(iii) Sifat Kata Menentukan Kali atau Ulangan

Sifat kata ini menentukan sesuatu perkara itu dilakukan secara berulang, misalnya:

- (27) *Jarang-jarang* benar engkau datang.
- (28) Ia membaca baharu *sekali*.
- (29) Jangan *sekali* diberi muka.
- (30) *Sekali-sekali* boleh tetapi jangan selalu.

(Z'aba, 1954: 136)

Menurut Z'aba kata seperti *jarang-jarang*, *sekali* dan *sekali-sekali* merupakan adverba. Namun pandangan ini boleh diperbetulkan pada dua kata, iaitu kata *sekali* dan *sekali-sekali*. Kata ini merupakan kata bilangan, iaitu bermaksud satu kali ataupun sesuatu itu terjadi tidak kerap kali tetapi sekali pada masa tertentu. Kata *jarang-jarang* bermaksud tidak lazim, tidak sering dan tidak selalu (lihat Anton M. Moeliono et al., 1989: 351 dan Teuku Iskandar, 1994: 519 dalam **Kamus Dewan Edisi Ketiga**). Dengan itu, bukan seperti dakwaan Z'aba, kata *jarang-jarang* berfungsi sebagai kata bantu.

2.2.3 Sifat Kata Tempat

Sifat kata tempat ialah kata kata sifat yang menerangkan tempat kejadian itu berlaku, misalnya:

- (31) Biarlah dia berjalan *dahulu*.

- (32) Kita boleh ikut *kemudian*.
- (33) Ia duduk *jauh* daripada saya.

(Z'aba, 1954: 136)

Kata *dahulu* (lihat Anton M. Moeliono et al., 1989: 181) dan *kemudian* tidak dapat dianggap sebagai sifat kata (kajian ini memilih kata sifat pada mana-mana tempat atau posisi kedudukan kata sifat). Kata *dahulu* itu ialah adverba. Namun, kata *jauh* merupakan kata sifat dan berfungsi atau mendukung fungsi kata adverba.

2.2.4 Sifat Kata Sebab atau Tujuan

Sifat kata ini menjelaskan tentang kenapa dan tujuan sesuatu itu, misalnya:

- (34) *Mengapakah* engkau lambat?
- (35) *Kenapa* dia menangis?
- (36) Ambillah, tidak *mengapa*!

(Z'aba, 1954: 136)

Kata *mengapakah* dan *kenapa* merupakan kata yang berasal daripada kata akar *apa*. Kata ini diletakkan di bawah kata tanya (rujuk Nik Safiah Karim et al., 1993: 243), sedangkan kedua-dua kata ini menurut Anton Moeliano et al., (1989: 44 dan 418) dalam **Kamus Besar Bahasa Indonesia** digolongkan sebagai kata partikel. Namun, kajian ini lebih cenderung mengatakan perkataan *mengapakah*, *mengapa* dan *kenapa* digolongkan sebagai kata tanya.